

INSTITUTE OF TECHNOLOGY PETRONAS SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Institute of Technology PETRONAS Sdn. Bhd. (ITPSB) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dengan modal berbayar berjumlah RM20 juta. ITPSB menjadi entiti undang-undang yang memiliki dan menguruskan Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) berdasarkan Perlembagaan Universiti dan had kuasa yang ditetapkan oleh ITPSB.
- Penilaian terhadap aktiviti utama ITPSB bagi tahun 2019 hingga bulan Julai 2022 meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti perniagaan universiti swasta UTP. Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan keberhasilan.
- Pengurusan aktiviti pula melibatkan dua perkara iaitu pengajaran dan pembelajaran; serta kolej kediaman pelajar.
- Penilaian terhadap sembilan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Setiausaha Syarikat, Pelan Strategik, Pelan Perniagaan dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Prosedur Operasi Standard, Jawatankuasa Audit, Audit Dalam serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan bagi tahun 2019 hingga bulan Julai 2022.
- Analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Untuk menilai tahap pencapaian objektif penubuhan ITPSB melalui aktiviti utama UTP sebagai universiti swasta.
- Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, ITPSB telah menerima RM756.87 juta geran daripada Yayasan UTP yang disalurkan daripada PETRONAS.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, objektif penubuhan ITPSB untuk menjalankan perniagaan universiti swasta telah tercapai. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, tiga daripada lima KPI tidak mencapai sasaran kerana dipengaruhi oleh pandemik Covid-19;

- prestasi pengambilan pelajar baharu bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Julai 2022 mencapai antara 31.9% hingga 98.2% walaupun sasaran tidak berubah;
- prestasi kutipan yuran pelajar kurang memuaskan kerana RM58.35 juta hutang tertunggak telah dihapus kira mulai tahun 2019 dan hanya 5.2% dikutip semula setakat 31 Julai 2022; serta
- kapasiti penggunaan katil kolej kediaman UTP masih belum mencapai tahap optimum kerana tahap penggunaan setiap semester adalah antara 26.9% hingga 87.1% bagi tempoh tahun 2019 hingga 31 Julai 2022.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
 - meningkatkan pengambilan pelajar baharu selaras dengan sasaran KPI ITPSB;
 - meningkatkan kecekapan pengurusan kutipan yuran pelajar bagi mengurangkan hutang lapuk dan hapus kira hutang tertunggak;
 - mengoptimumkan penggunaan katil kolej kediaman bagi mencapai kemapanan hasil operasi kolej kediaman; dan
 - menambah baik tadbir urus korporat dalam aspek:
 - mewujudkan Piagam Lembaga Pengarah supaya terma rujukan berkaitan Lembaga Pengarah adalah jelas dan teratur; serta
 - melantik Pengarah Bebas bagi menganggotai Lembaga Pengarah ITPSB.